



اُونِيُوَرَسِيْتِي تِيْكْنُولُوْجِي مَارَا
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT KAMPUS SEGAMAT JOHOR

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK MOHD. NOOR BIN
ABDULLAH MENGENAI PENGALAMAN DAN SUMBANGAN BELIAU
DALAM BIDANG PENDIDIKAN**

OLEH:

MASAYU BINTI MOHD ZAIN (2012374887)

NIK NUR HAFIZAH BINTI CHE HARUN (201278677)

**PROJEK DIMAJUKAN KEPADA FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, SEGAMAT BAGI MEMENUHI
KEPERLUAN**

KURSUS IMR 604 : DOKUMENTASI SEJARAH LISAN

SEMESTER 05 (MAC 2014- JUN 2014)

IMR 604 – DOKUMENTASI LISAN

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t

Terlebih dahulu kami ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan nikmat kurnianNya kami dapat menyempurnakan projek ‘DOKUMENTASI LISAN’ ini dengan jayanya dalam jangka waktu yang telah di tetapkan oleh pensyarah.

Seterusnya, sejuta penghargaan diucapkan kepada pensyarah bagi subjek ‘IMR 604: DOKUMENTASI LISAN’ yang sangat kami hormati iaitu Encik Mohd Faizal bin Mohd Ramsi di atas segala ilmu dan maklumat yang telah dicurahkan kepada kami dalam usaha menyiapkan projek ini. Tidak lupa juga penghargaan kami untuk segala tunjuk ajar dan bimbingan beliau dalam langkah awal sehinggalah kami berjaya menyiapkan transkrip temubual ini.

Tidak lupa juga kepada individu yang memainkan peranan penting dalam penghasilan transkrip ini iaitu tokoh pilihan kami, Encik Mohd. Noor sendiri kerana telah memberikan kerjasama dan sepenuh komitmen samada sebelum mahupun sepanjang temubual ini berlangsung, Kami tidak mungkin akan dapat menghasilkan transkrip yang sebegini lengkap dan bernilai ini tanpa bantuannya.

Selain itu, kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan sekelas yang telah banyak membantu kami dari segi perkongsian maklumat dan buah fikiran sepanjang proses menyiapkan tugas dan projek ini.

Di samping itu, tidak lupa juga penghargaan kepada ibu bapa kami yang turut membantu secara tidak langsung dengan memberi sokongan moral kepada kami sepanjang usaha kami menyempurnakan transkrip temubual.

Sekian, terima kasih.

IMR 604 – DOKUMENTASI LISAN

ISI KANDUNGAN

PERKARA

MUKA SURAT

PENGHARGAAN	ii
1.0 ABSTRAK	1
2.0 PENGENALAN	2 & 3
3.0 TRANSKRIP WAWANCARA	4 - 67
4.0 LOG WAWANCARA	68 - 71
5.0 BIODATA TOKOH	72
6.0 SENARAI SOALAN WAWANCARA	73 - 81
7.0 SENARAI RUJUKAN	
8.0 LAMPIRAN	
9.0 DIARI PENYELIDIKAN	
10.0 INDEKS	
11.0 SINGKATAN	
12.0 RALAT	
13.0 BIODATA PENEMUBUAL	

IMR 604 – DOKUMENTASI LISAN

1.0 ABSTRAK

Transkrip Temubual Bersama Encik Mohd. Noor Mengenai Pembabitan Beliau Dalam Bidang Pendidikan

Abstrak: *Transkrip ini mengandungi rakaman temubual bersama Encik Mohd. Noor bin Abdullah telah dijalankan pada tanggal 28 Mei 2014, jam 10.30 pagi bertempat di Pejabat Pendidikan Daerah Segamat yang beralamat di JKR 1884, Jalan Aji, 85000 Segamat, Johor. Encik Mohd. Noor merupakan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah dan kini menjawat jawatan sebagai Guru Cemerlang Bahasa Melayu. Encik Mohd. Noor memulakan sebagai guru pada tahun 1975 sehingga kini dan mempunyai banyak pengalaman dalam bidang kurikulum mahupun kokurikulum di sekolah. Dengan segala usaha dan jasa beliau dalam bidang perguruan, Encik Mohd. Noor telah meraih pelbagai anugerah dan satu daripadanya Pengurniaan Pingat Ibrahim Sultan (PIS) pada tahun 2013.*

Kata kunci: *Encik Mohd. Noor bin Abdullah, pendidik, guru cemerlang bahasa Melayu, Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah*

IMR 604 – DOKUMENTASI LISAN

2.0 PENGENALAN

SEJARAH PENDIDIKAN DI MALAYSIA

Laporan Razak 1956 yang dikuatkuasakan sebagai Ordinan Pelajaran 1957 dan Laporan Rahman Talib 1960 menjadi perintis ke arah pengukuhan sistem pendidikan kebangsaan di Malaysia. Selepas merdeka 1957, Malaysia merupakan negara baru dan memulakan zaman untuk mengukuhkan semula pendidikan negara supaya selari dengan matlamat perpaduan nasional. Akta Pelajaran 1961 pula bukti usaha murni yang dilakukan oleh kerajaan Malaysia bagi mengembalikan semula kepercayaan rakyat supaya mereka memahami dasar pendidikan yang dilaksanakan kerajaan demi kepentingan masyarakat Malaysia yang majmuk.

Laporan Razak 1956 boleh dijadikan sebagai batu loncatan ke atas dasar dan sistem pendidikan kebangsaan yang mempunyai perubahan yang positif, terutama membentuk dan memupuk perpaduan negara (Abu Bakar Nordin, 1994). Perpaduan antara masyarakat majmuk merupakan asas utama yang diberi perhatian oleh kerajaan Malaysia ketika menggubal dasar pendidikan selepas negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Hal demikian menjadikan dasar-dasar penting dalam Laporan Razak 1956 dan laporan Rahman Talib 1960 yang telah dikuatkuasakan oleh kerajaan melalui Akta Pendidikan 1961.

Peristiwa berdarah 13 Mei 1969 telah mengubah landskap politik, ekonomi, dan sosial masyarakat Malaysia di mana selepas peristiwa itu berlaku, pihak kerajaan telah mewujudkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang bermatlamat mencapai perpaduan negara dan integrasi nasional. Peristiwa berdarah itu turut memberi impak yang besar kepada dasar pendidikan. Semasa rancangan Malaysia kedua, iaitu 1971-1975, rancangan pendidikan negara ditumpukan pada tiga bidang, iaitu: (1) menyatukan sistem pelajaran bagi menggalakkan perpaduan negara, (2) memperluaskan rancangan pelajaran bagi mencapai keperluan negara mengenai tenaga rakyat, dan (3) memperbaiki mutu pelajaran ke arah mencapai masyarakat yang maju berasaskan sains dan teknologi moden.